

BORANG PERMOHONAN KONTRAK TAKAFUL CASH CARE PA

Etiqa General Takaful Berhad ("Etiqa Takaful") adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful am di Malaysia dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

ARAHAN: Sebelum anda memberi jawapan dan pengakuan di dalam Borang Permohonan ini, sila baca NOTIS PENTING berikut.

NOTIS PENTING:

- Dalam borang permohonan ini, perkataan " Saya/ Kami", atau "anda" bermaksud Pemohon, melainkan arahan-arahan bahagian menunjukkan sebaliknya.
- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini. Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan, anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
- Sila dapatkan penerangan daripada ejen sekiranya anda tidak memahami apa-apa terma dan syarat, yang berkaitan dengan manfaat-manfaat yang ditawarkan dan kewajipan anda di bawah kontrak takaful.
- Anda boleh menamakan seseorang sebagai benefisiari untuk menerima wang yang akan dibayar di bawah sijil ini pada masa permohonan untuk sijil Kemalangan Diri atau pada bila-bila masa selepas sijil itu dikeluarkan. Anda perlu memastikan bahawa penama anda mengetahui bahawa dia telah dinamakan untuk sijil yang anda sertai. Anda boleh mendapatkan salinan borang penamaan daripada ejen kami atau layari laman web kami di www.etiqa.com.my dan mengemukakan borang yang lengkap ke cawangan kami yang berhampiran.
- Sila maklumkan kepada ejen atau kami mengenai sebarang perubahan alamat surat-menyurat, atau lain-lain butiran. Jika anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Etiqa Oneline dengan menghubungi 1300 13 8888 atau +603 2297 3888, atau menulis ke Etiqa General Takaful Berhad (201701025031), Aras 13, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau melalui faksimili ke +603 2297 3800, atau e-mel di info@etiqa.com.my.
- Jika anda mempunyai aduan, pertikaian atau maklum balas berkaitan permohonan ini, sila hubungi Unit Aduan kami melalui e-mel di complaint_cmu@etiqa.com.my, dengan menghubungi 1300 13 8888 jika dari Malaysia atau +603 2780 4500 jika dari luar negara, melalui faksimili ke +603 2297 1919, atau secara pos ke Unit Pengurusan Aduan, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.
- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara pengendalian kami, anda boleh merujuk kepada Bank Negara Malaysia melalui e-mel di bnmtelelink@bnm.gov.my, dengan menghubungi 1300 88 5465, melalui faksimili ke +603 2174 1515, atau secara pos kepada Pengarah, Jabatan LINK & Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Jika anda mempertikaikan keputusan yang telah dibuat oleh kami, anda boleh merujuk kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan melalui e-mel di enquiry@ofs.org.my, melalui faksimili ke +603 2272 1577 atau secara pos kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, (Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
- Sila isi borang ini dengan huruf besar, menggunakan dakwat hitam atau tandakan salah satu pilihan, yang mana berkenaan.

ARAHAN: Sila jawab semua soalan di dalam Bahagian A.

A. MAKLUMAT INDIVIDU			
Gelaran	<input type="checkbox"/> Encik <input type="checkbox"/> Datuk Seri <input type="checkbox"/> Datuk <input type="checkbox"/> Dato' <input type="checkbox"/> Tan Sri <input type="checkbox"/> Tun <input type="checkbox"/> Lain-lain _____ <input type="checkbox"/> Puan <input type="checkbox"/> Datin Seri <input type="checkbox"/> Datin <input type="checkbox"/> Dr <input type="checkbox"/> Puan Sri <input type="checkbox"/> Toh Puan		
*Nama <i>(Seperti di dalam Kad Pengenalan / Passport)</i>			
*Tarikh Lahir <i>(hh/bb/tttt)</i>	<input type="text"/> <input type="text"/> / <input type="text"/> <input type="text"/> / <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>	Jantina	<input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan
*Jenis Pengenalan	<input type="checkbox"/> Kad Pengenalan Baru <input type="checkbox"/> Lain - lain _____ <input type="checkbox"/> Kad Pengenalan Lama		
*Nombor Kad Pengenalan			
*Warganegara	<input type="checkbox"/> Malaysia <input type="checkbox"/> Lain-lain _____		
*Taraf Perkahwinan	<input type="checkbox"/> Bujang <input type="checkbox"/> Berkahwin <input type="checkbox"/> Lain-lain _____		
*Pekerjaan	<input type="checkbox"/> Pengurus/ Eksekutif Kanan <input type="checkbox"/> Pesara <input type="checkbox"/> Bekerja sendiri <input type="checkbox"/> Surirumah <input type="checkbox"/> Pelajar <input type="checkbox"/> Pegawai/Eksekutif <input type="checkbox"/> Pemilik Perniagaan <input type="checkbox"/> Perkerja Mahir <input type="checkbox"/> Guru/Pensyarah <input type="checkbox"/> Kerani <input type="checkbox"/> Lain-lain _____		
*Jenis Pekerjaan/ Pekerjaan Sendiri			
*Alamat Surat Menyurat			
	Bandar/Daerah		Poskod

	Negeri		Negara	
*Butiran Perhubungan	Telefon Bimbit		Rumah	Pejabat
Alamat E-mel				

* Ruangan wajib untuk dilengkapkan

ARAHAN: Sila berikan butir-butir risiko di Bahagian B.

B. BUTIRAN RISIKO TAKAFUL ANDA

1. Tempoh Takaful (hh/bb/tttt)	Dari <input type="text"/> / <input type="text"/> / <input type="text"/> / <input type="text"/> hingga <input type="text"/> / <input type="text"/> / <input type="text"/> / <input type="text"/>				
2. Butiran Kenderaan	No. Pendaftaran Kenderaan				
	Buatan / Model				
	Tahun Buatan				
3. Jenis Pelan & Butiran Sumbangan	<input type="checkbox"/> Gangsa: RM121.00 <input type="checkbox"/> Perak: RM158.00 <input type="checkbox"/> Emas: RM 201.00 <input type="checkbox"/> Platinum: RM 279.00 <input type="checkbox"/> Berlian: RM358.00				
				Duti Setem (RM)	<input type="text"/>
				Jumlah Sumbangan termasuk SST dan Duti Setem (RM)	<input type="text"/>
				Jumlah Perlu Dibayar (RM)	<input type="text"/>

C. PENAMAAN

Di bawah Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, orang yang dilindungi yang telah mencapai umur 16 tahun boleh menamakan seseorang untuk menerima wang Polisi yang perlu dibayar apabila dia meninggal dunia.

Ya Tidak

Jika Ya, sila isikan Borang Penamaan yang dilampirkan bersama dokumen Sijil.

ARAHAN: Sila berikan butiran akaun bank anda, untuk tujuan pengkreditan bayaran balik sumbangan atau tuntutan, jika ada.

D. BUTIRAN AKAUN BANK

Jenis Akaun	<input type="checkbox"/> Simpanan <input type="checkbox"/> Semasa
Nama Bank	
Nama Pemegang Akaun	
Nombor Akaun	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>

ARAHAN: Sila berikan butiran kad kredit atau cek untuk pembayaran sumbangan. Sila pilih satu (1) pilihan sahaja.

E. KAEDAH BAYARAN

Saya/ Kami ingin membayar sumbangan RM _____ Tarikh bayaran / / /

Dengan Tunai

Cek (Sila palangkan cek dan dibayar kepada 'Etiqa General Takaful Berhad').

Bank	Nombor Cek	Tarikh Cek	Amaun (RM)

Kredit Kad Nama Pemegang Kad _____ Visa Master Card

Nombor Kad kredit

Tarikh Tamat Tempoh / (bb/tt)

ARAHAN: Sila sahkan persetujuan anda ke atas pengakuan yang berikut dengan menandatangani di bawah ini. Semua pengakuan adalah wajib kecuali item 11, di mana anda haruslah memilih bersetuju (Ya) atau tidak bersetuju (Tidak).

F. PENGAKUAN

- Saya/ Kami telah membaca dan memahami segala isi kandungan dari permohonan ini, termasuk segala notis darinya.
- Saya/ Kami faham dan bersetuju bahawa kontrak takaful yang dipohon hanya akan berkuatkuasa pada tarikh kontrak takaful dikeluarkan oleh Etiqa General Takaful. Saya/ Kami faham bahawa kontrak takaful hanya akan dikeluarkan setelah dibuat penilaian oleh Etiqa General Takaful, dengan syarat sumbangan penuh awal telah diterima oleh Etiqa General Takaful. Saya/ Kami faham jika sumbangan awal dibayar melalui cek, kontrak takaful hanya akan bermula selepas cek telah dijelaskan.
- Saya/ Kami faham kegagalan menjawab soalan atau pengakuan, atau menjawab dengan salah soalan atau pengakuan, ia mungkin akan menyebabkan kontrak takaful Saya/ Kami dibatalkan, tuntutan tidak dibayar, atau kadar-kadar dan terma-terma kontrak takaful Saya/ Kami diubah.
- Saya/ Kami faham bahawa kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful Saya/ Kami dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Etiqa General Takaful.
- Saya/ Kami faham bahawa Saya/ Kami mempunyai kewajipan untuk memberitahu Etiqa General Takaful serta-merta bahawa kontrak takaful ini telah dibuat, diubah atau diperbaharui, sama ada apa-apa maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah tidak tepat atau telah berubah.
- Saya/ Kami bersetuju untuk memberitahu Etiqa General Takaful apa-apa perubahan dalam pekerjaan Saya/ Kami dan maklumat peribadi

(contoh hobi, aktiviti sukan) yang akan menjejaskan profil risiko semasa tempoh Takaful.

7. Saya/ Kami mengaku bahawa egen telah menjelaskan dengan sepenuhnya kepada Saya/ Kami tentang syarat-syarat dan terma-terma kontrak takaful ini dengan menggunakan bahasa yang Saya/ Kami fahami dan telah pun menunjukkan kepada Saya/ Kami helaian pendedahan produk ini.
8. Saya/ Kami bersetuju bahawa apa-apa pembayaran dari Etiqa General Takaful kepada butiran akaun yang telah diberikan oleh Saya/ Kami dalam Bahagian D dari permohonan ini, akan dianggap sebagai bayaran penuh dan Etiqa General Takaful akan dilepaskan dan dibebaskan sepenuhnya dari liabiliti selanjutnya dan permintaan berhubung dengan pembayaran. Saya/ Kami mengesahkan bahawa butiran akaun bank dari Bahagian D adalah aktif dan diselenggarakan di Malaysia.
9. Saya/ Kami faham semua sumbangan akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.
10. Saya/ Kami bersetuju untuk menyertai skim Takaful Am ini berdasarkan prinsip Takaful. Saya/ Kami bersetuju dengan konsep Tabarru' (derma) untuk tujuan saling menyokong peserta lain dan dengan pembayaran sumbangan ini, Saya/ Kami berhak menerima perlindungan Takaful mengikut terma dan syarat yang terkandung dalam Sijil Takaful. Pembayaran jumlah yang dilindungi kepada peserta adalah dibayar daripada Dana Takaful Am (Dana) berdasarkan konsep Tabarru'.

Produk ini juga menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana Saya/ Kami bersetuju untuk melantik Etiqa General Takaful untuk bertindak bagi pihak Saya/Kami untuk melabur dan menguruskan Dana. Dana adalah dimiliki secara kolektif oleh para peserta di mana bahagian Tabarru' bagi sumbangan ini dimasukkan bagi tujuan Takaful. Oleh itu, Saya/ Kami bersetuju membayar Fi Wakalah (seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Pendedahan Produk) kepada Etiqa General Takaful, sebagai potongan daripada sumbangan, untuk menampung perbelanjaan melabur dan menguruskan Dana.

Saya/ Kami juga bersetuju untuk memberi kuasa kepada Etiqa General Takaful untuk mewakili hak, tanggungjawab dan kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga yang dianggap layak oleh Etiqa General Takaful bagi tujuan mencapai objektif untuk melabur dan menguruskan Dana, dengan syarat, Etiqa General Takaful akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap Saya/ Kami.

Saya/ Kami faham bahawa pada akhir setiap tahun kewangan, lebih yang boleh diagihkan (jika ada) dari Dana Takaful Am akan ditentukan oleh Etiqa General Takaful dan hanya akan dibayar bagi Sijil tahunan. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebih yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Etiqa General Takaful. Saya/ Kami bersetuju bahawa 50% daripada lebih yang boleh diagihkan (jika ada) akan dibayar kepada Etiqa General Takaful kerana mengendalikan dan menguruskan Dana berdasarkan kontrak Ju'alalah (upah) dan baki 50% akan dikongsi dalam kalangan peserta yang mana sijilnya masih belum tamat serta belum membuat sebarang tuntutan dalam tempoh tahun kewangan tersebut.

Saya/ Kami selanjutnya bersetuju bahawa jika lebih atau apa-apa jumlah yang perlu dibayar kurang dari Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), ia akan secara automatik dikreditkan ke dalam tabung kebajikan, yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak peserta. Tabung tersebut akan diagihkan kepada penerima yang layak sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami untuk tujuan kebajikan.

Definisi:

“**Tabarru**” bermaksud sumbangan, derma, atau hadiah. Berkenaan dengan kontrak Takaful, ia bermaksud Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Takaful Am.

“**Ju'alalah**” ialah kontrak upah. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan. Berkenaan dengan kontrak Takaful, ia merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada Pengendali Takaful (Etiqa General Takaful) yang dipersetujui terlebih dahulu oleh peserta dan Pengendali Takaful bagi pengurusan Dana yang baik.

“**Wakalah**” adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Berkenaan dengan kontrak Takaful, ia bermaksud peserta telah melantik Etiqa General Takaful untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am bagi pihaknya.

11. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Saya/ Kami bersetuju untuk membenarkan Etiqa General Takaful untuk memproses data peribadi Saya/ Kami, termasuk data peribadi sensitif, bagi tujuan mengikat kontrak Takaful, dengan mematuhi peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Saya/ Kami memahami dan bersetuju bahawa mana-mana data peribadi yang dikumpul atau dimiliki oleh Etiqa General Takaful, sama ada terkandung dalam permohonan ini atau diperolehi selepasnya, boleh dimiliki, diguna, diproses dan didedahkan oleh Etiqa General Takaful kepada individu atau organisasi yang berkaitan dan mempunyai hubungan dengan Etiqa General Takaful atau mana-mana pihak ketiga yang terpilih (dalam atau luar Malaysia, termasuk institusi perubatan, syarikat reinsurans, adjuster tuntutan, penyiasat tuntutan, peguam, persatuan industri, pengawal selia, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa kerajaan), bagi tujuan memproses permohonan ini, menyediakan perkhidmatan secara berterusan yang berkaitan dengannya dan untuk berkomunikasi dengan Saya/ Kami bagi tujuan tersebut.

Saya/ Kami faham bahawa Saya/ Kami berhak memperoleh akses kepada, dan memohon sebarang pembetulan data peribadi yang dipegang oleh Etiqa General Takaful berkaitan dengan Saya/ Kami. Saya/ Kami faham bahawa permohonan tersebut boleh dibuat dengan melengkapkan Borang Permohonan Akses yang boleh didapati di semua cawangan Etiqa General Takaful atau hubungi Etiqa General Takaful melalui e-mel di PDPA@etiqa.com.my. Saya/ Kami faham bahawa mengikut peruntukan PDPA, Saya/ Kami boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di Etiqa Online di 1300 13 8888 untuk data peribadi Saya/ Kami. Maklumat tersebut hanya diberikan selepas pengesahan.

Saya/ Kami bersetuju dan membenarkan Etiqa General Takaful untuk berkongsi Data Peribadi Saya/ Kami dengan Kumpulan Maybank, dan pihak ketiga yang terpilih, yang Etiqa General Takaful rasakan patut, dan Saya/ Kami akan menerima komunikasi pemasaran dari Etiqa General Takaful atau daripada entiti lain mengenai produk dan perkhidmatan yang mungkin menarik kepada Saya/ Kami.

Ya Tidak

Tandatangan Pemohon

Tarikh

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Ibu Pejabat/ Nama Cawangan		Kod Saluran Perniagaan	
Saluran		Nama Saluran Perniagaan	